

**PANDUAN KEPADA PEMILIK PREMIS UNTUK MENAWARKAN LATIHAN
LIBERALISASI KEPADA AHLI FARMASI PROVISIONAL (PRP)**

1. Hanya premis-premis yang telah disenaraikan dalam [Senarai Fasiliti Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) dan disiarkan dalam laman web www.pharmacy.gov.my sahaja layak untuk bertindak sebagai Fasiliti Latihan Liberalisasi (FLL) PRP.
2. Untuk menyenaraikan mana-mana premis sebagai FLL PRP, premis tersebut perlu ada sekurang-kurangnya satu Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (Fully Registered Pharmacist (FRP)) dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dan beliau perlu mengemukakan [Borang Permohonan Akreditasi Premis Sebagai Fasiliti Latihan Liberalisasi \(FLL\) dan Pengiktirafan Preseptor](#) bersama-sama dokumen sokongan yang **DISAHKAN** * kepada Setiausaha LFM melalui **pos** di alamat:

Setiausaha

Lembaga Farmasi Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

Lot 36, Jalan Universiti

46350 PETALING JAYA

3. Borang –borang yang diterima oleh Setiausaha LFM akan diproses dan permohonan yang **LENGKAP** serta pemohon yang **LAYAK** dan memenuhi [Syarat-syarat Kelayakkan Sebagai Fasiliti Latihan Liberalisasi \(FLL\) Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) yang diterima sebelum tarikh tutup sahaja akan dijemput untuk menghadiri satu [Bengkel Training of Preceptors \(TOP\)](#) yang dianjurkan oleh Lembaga Farmasi Malaysia. Pemohon yang gagal hadir ke bengkel ini akan dijemput semula pada tarikh TOP yang seterusnya. Kehadiran ke bengkel ini adalah **WAJIB**. Mana-mana pemohon yang gagal untuk menghadiri bengkel ini melebihi **dua (2) kali** jempukan, permohonannya akan digugurkan secara automatik. Permohonan baru perlu dikemukakan semula sekiranya pemohon masih berminat untuk berdaftar sebagai FLL PRP.

4. Pemohon-pemohon yang berjaya menghadiri Bengkel TOP tersebut akan mendapat dua jenis kelulusan iaitu:

a) Akreditasi Premis sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi (FLL) PRP

b) Pengiktirafan Sebagai Preseptor


Kedua-dua jenis akreditasi ini adalah hanya **SAH** untuk tempoh masa **TIGA (3) TAHUN** sahaja bermula dari tarikh menghadiri TOP. Setiap tiga tahun preseptor bagi premis terbabit perlu memperbaharui akreditasi ini melalui mengemukakan borang [Borang Permohonan Akreditasi Premis Sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) dan Pengiktirafan Preseptor](#)


5. Nama premis yang telah berjaya mendapat akreditasi sebagai FLL PRP selepas bengkel TOP akan disiarkan dalam [Senarai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) dalam laman web www.pharmacy.gov.my dalam masa yang terdekat.


6. Mana FLL yang disenaraikan dalam [Senarai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#) tidak melatih mana-man PRP untuk tempoh masa tiga (3) tahun akan dibatalkan pendaftarannya sebagai FLL secara automatik tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

Nota Penting: Preseptor –preseptor yang telah berjaya memperolehi pengiktirafan sebagai preseptor hanya boleh mula melatih PRP setelah nama premis mereka disiarkan dalam [Senarai Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Bagi Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#). Sila baca dengan sepenuhnya '[Tanggungjawab preseptor di Fasilitas Latihan Liberalisasi \(FLL\) Ahli Farmasi Provisional \(PRP\)](#)' sebelum mula melatih PRP.

Carta Aliran Untuk Pendaftaran sebagai FLL







*dokumen sokongan boleh disahkan oleh mana-mana ahli farmasi atau doctor yang berdaftar di Malaysia

**maksimum dua(2) kali jemputan sahaja